

e-BULETIN HASIL

EKONOMI BAYANGAN :

EKONOMI BAWAH TANAH / TIDAK MEMATUHI PERUNDANGAN / TERSEMBUNYI

KATEGORI:

- BERDAFTAR, TETAPI TIDAK MEMATUHI PERUNDANGAN PERCUKAIAN
- TIDAK BERDAFTAR DAN TERLIBAT DALAM AKTIVITI JENYAH

IMPAK NEGATIF KEPADA NEGARA

MENINGKATKAN KOS
KERAJAAN DAN
PERNIAGAAN LAIN

PENIPUAN : MENYEBABKAN
EKSPLOITASI PEKERJA

PERSAINGAN TIDAK SIHAT :
MENJEJASKAN PERNIAGAAN
JUJUR



TRANSAKSI TIDAK SELAMAT :
RISIKO KEPADA PENGGUNA DAN
PERNIAGAAN

SIKAP PEMBAYAR CUKAI : MENJEJASKAN
KREDIBILITI NORMA SOSIAL DAN SISTEM
PERCUKAIAN DALAM MENYOKONG PEMATUHAN
CUKAI SECARA SUKARELA

PERUNDANGAN : SETIAP TRANSAKSI
DIANGGAP MENYOKONG AKTIVITI
HARAM SECARA BERLELUASA

1. APA ITU EKONOMI BAYANGAN ?

Definisi ekonomi bayangan ini agak sukar ditentukan. Kebiasaannya, individu atau perniagaan yang terlibat akan memastikan mereka tidak dapat dikesan oleh agensi penguatkuasaan kerana ia menjurus ke arah ketidakpatuhan cukai. Ini mengundang ketidakadilan kepada pembayar cukai yang melaksanakan tanggungjawab mereka kepada negara.

Anda boleh memainkan peranan dalam memerangi aktiviti ekonomi bayangan ini dengan :

- i) Meminta dan mendapatkan resit perniagaan setiap kali melakukan aktiviti jual beli,terutamanya yang melibatkan transaksi tunai;
- ii) Merekod transaksi jual beli dengan betul;
- iii) Menggalakkan transaksi pembayaran secara elektronik; dan
- iv) Setiap kerja-kerja kontrak perlu sediakan kontrak secara bertulis. Selain dapat mengekang ekonomi bayangan ini, kontrak secara bertulis dapat melindungi daripada kerja-kerja yang tidak selesai, hasil kurang berkualiti, atau timbul kos tambahan di kemudian hari.

Jika anda terlibat atau mengetahui berlakunya aktiviti ini dalam persekitaran anda, laporkan segera kepada HASiL.

2. PINDAAN PENGOPERASIAN POTONGAN CUKAI 2% OLEH SYARIKAT PEMBAYAR KEPADA EJEN, PENGEDAR ATAU PENGAGIH (INDIVIDU PEMASTAUTIN)

Mulai Julai 2022, terdapat perubahan pengemukaan bayaran potongan cukai 2% secara pentadbiran oleh syarikat pembayar kepada ejen, pengedar atau pengagih (EPP) seperti berikut :

- i) Syarikat pembayar perlu membuat potongan cukai 2% kepada EPP bagi setiap transaksi potongan secara terkumpul mengikut bulan; dan
- ii) Amaun potongan cukai 2% berkenaan hendaklah diremitkan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan berikutnya.

Syarikat pembayar dikehendaki mengemukakan Borang CP107D – Pin 2/2022 dalam bentuk PDF dan Lampiran CP107D(2) dalam format Excel secara e-mel mengikut pusat bayaran HASiL sebelum pembayaran dibuat.

Sebelum membuat pengisian Lampiran CP107D(2), syarikat pembayar perlu memastikan penerima mempunyai nombor cukai pendapatan.

Maklumat lanjut berhubung perkara ini boleh didapati daripada Kenyataan Media HASiL bertarikh 9 Julai 2022 di Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Kenyataan Media.

3. CUKAI KOPERASI

Cukai koperasi dikenakan atas pertubuhan/badan berikut yang bermastautin dan memperolehi pendapatan di Malaysia :

- i) Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502);
- ii) Pertubuhan Peladang yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1967;
- iii) Pertubuhan Peladang yang berdaftar di bawah Akta Organisasi Peladang 1973; dan
- iv) Pertubuhan Nelayan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Nelayan 1971.

Tanggungjawab sesebuah koperasi :

- i) Hantar Borang C1 melalui e-Filing (e-C1) atau secara manual ke Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat (termasuk koperasi dormant);
- ii) Hantar anggaran cukai secara e-Filing (e-CP204); dan
- iii) Bayar ansuran koperasi (anggaran dibuat oleh koperasi)

Layanan cukai koperasi adalah tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Maklumat lanjut berhubung cukai koperasi boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Syarikat > Cukai Koperasi.

4. TAX CORPORATE GOVERNANCE FRAMEWORK

TAX CORPORATE GOVERNANCE FRAMEWORK (TCGF) merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan sebagai asas kepada HASiL dan pembayar cukai untuk membangun dan mengekalkan hubungan kerja yang lebih terbuka dalam memastikan proses pematuhan percukaian adalah adil dan efektif.

Ia menetapkan teknik dan proses dalam organisasi untuk mengenal pasti risiko cukai, menilai risiko dan menetapkan tindakan yang sesuai untuk mengurangkan kesan risiko cukai tersebut. Rangka kerja tadbir urus cukai yang berkesan boleh memupuk tahap keyakinan bahawa organisasi melaporkan dan membayar jumlah cukai yang betul, membolehkan organisasi mencapai kepastian yang lebih besar berhubung dengan hal ehwal cukainya.

Rangka Kerja ini boleh diakses daripada pautan www.hasil.gov.my > Perundangan > Rangka Kerja > *Tax Corporate Governance Framework* (TCGF).

WASPADA DENGAN SCAMMER :

PEMBAYAR CUKAI DISARANKAN UNTUK TIDAK MEMBERIKAN MAKLUMAT PERIBADI SEPERTI NOMBOR KAD PENGENALAN, NOMBOR AKAUN BANK ATAU NOMBOR OTP (ONE-TIME PASSWORD) KEPADA PIHAK YANG TIDAK DIKENALI. SILA RUJUK DENGAN HASIL BAGI URUSAN PERCUKAIAN ANDA.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.